

42 Sinar Harian • Rabu 28 September 2016

KUALA SELANGOR . TANJONG KARANG

HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR:
ARZIANA MOHAMD AZAMAN - 019-6680850/ 019-3371066



Irmohizam (kanan) bersama VVIP menunggang basikal sejauh 20km.



Sebahagian peserta kayuhan merakam kenangan.

Bebas berkayuh atas lebuhraya

Kayuhan Sihat 99KM Latar 2016 berjaya himpun lebih 1,900 peserta

KUALA SELANGOR – Kayuhan Sihat 99KM Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (Latar) 2016 berjaya menghimpunkan lebih 1,900 kaki basikal sekali gus memperkenalkan daerah ini sebagai destinasi pelancongan dan sukan.

Program julung kali diadakan itu bukan sahaja memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan amalan cara hidup sihat bahkan peserta berpeluang berbasikal

tanpa halangan di lebuhraya.

Pelepasan peserta kayuhan sejauh 20 kilometer (km) disempurnakan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam manakala pelepasan peserta bagi kategori 99km disempurnakan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Hadirsama, Pengerusi Latar, Datuk Mohamad Razali Othman; Pengarah Urusan Latar, Datuk Mohamed Raffie Cheku dan Pengarah Eksekutif Latar,

Matthew Tee.

Kategori kayuhan Mountain Bike, juara bagi Junior Lelaki dimenangi Muhamad Nazhan Mohd Nazrin manakala Kategori Terbuka Lelaki dimenangi Mohd Shafari Abd Malik.

Bagi Kategori Junior Master Lelaki dijuarai Ooi Cheong Boon diikuti juara Kategori Senior Master Lelaki, Muhamad Razli Ibrahim dan Siti Aishah Mohaini Mohak menjuarai Terbuka Wanita.



Peserta VVIP merakam kenangan sebelum memulakan kayuhan.



Irmohizam beramah mesra dengan tetamu VVIP.



Pelepasan peserta dengan kibaran Jalur Gemilang.



Bersama pasukan yang turut menyertai kayuhan.



Irmohizam (lima, kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang.